

24/07/2000

Dakwaan keluarga Sagadevan pertikai bantuan sengaja direka

RAWANG, Ahad - Dakwaan keluarga mendiang Sarjan S Sagadevan yang terbunuh dalam kejadian di Sauk mempertikaikan keikhlasan bantuan MIC dan masyarakat India, sengaja direka pihak tertentu untuk kepentingan politik mereka.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk G Palanivel yakin keluarga berkenaan tidak mengeluarkan sebarang kenyataan berkenaan tetapi ia sengaja diputarbelitkan.

"Saya yakin, keluarga mendiang S Sagadeven tidak mengeluarkan kenyataan berkenaan. Kenyataan itu mungkin disalahtafsir pihak tertentu termasuk akhbar," kata beliau yang juga Ahli Parlimen Hulu Selangor.

Beliau mengulas kenyataan S Supramanian, sepupu Sagadevan yang dilaporkan berkata semua janji memberi bantuan kepada keluarga itu akan luput mengikut masa.

"MIC sudah sedaya upaya membantu keluarga itu," katanya selepas mengadakan perjumpaan khas dengan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penduduk Bandar Bukit Beruntung dekat sini, hari ini.

Palanivel berkata, MIC juga sudah mengumpulkan derma wang tunai bagi membantu meringankan beban yang ditanggung keluarga mangsa.

"Bagi cawangan parti di Selangor, kita sudah mengarahkan setiap semua cawangan parti mengutip RM200 untuk disalurkan kepada keluarga Segadevan," katanya.

Beliau berharap pihak yang sengaja memutarbelitkan kejadian itu menghentikan perbuatan mereka.

Semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu ketika mengulas perkara itu turut melahirkan rasa kesal dengan dakwaan berkenaan.

Samy Vellu berkata, MIC sentiasa prihatin terhadap masalah yang dihadapi masyarakat India.

Sebelum ini, keluarga mendiang dikatakan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi senarai nama pihak-pihak yang sudah berjanji untuk membantu keluarga itu.

(END)